

# MENGUBAHSUAI FOTO UNTUK LAMAN BLOG

Bagi sesetengah orang, proses ubahsuai foto digital mungkin leceh dan menyusahkan sebelum ia dimuatkan ke dalam tapak web/blog. Ini mungkin tanggapan


## EasyPic

EasyPic is a small image editing software designed by Kongtechnology.com to help you to resize images and photos easily. You can also optionally insert any wording you like such as your blog's URL on the image. The wording's look and font is fully customizable, you can change the font faces, the size, bold or italic, the foreground and also the background color.

The beauty of this software is that it's simple and easy to use. You can resize a picture and put your blog credit on it in less than 5 seconds. That's less than the time you need to start up Adobe Photoshop CS. Of course you do not want to install the 200MB Adobe Photoshop CS just because you need it to resize a few photos for your blog, do you?

Do you know that you can save your preferences in EasyPic? Yes, save your blog styles and load them next time so that you can do your photo editing even faster.

## Screenshots



Rajah 1

saiz dan menambah tanda (watermark) pada setiap foto digital sebelum ia diterbitkan dalam internet. Setakat mana mudahnya cara gunai perisian ini akan didedahkan sebentar lagi.

Sebelum itu, elok rasanya jika anda diberitahu serba sedikit mengenai keupayaan EasyPic. Selain

pengguna yang tidak tahu caranya. Sedangkan ketika ini, ada pelbagai perisian percuma dicipta untuk memudahkan proses tersebut. Antaranya, perisian EasyPic 0.8 yang memudahkan anda menukar

menukar saiz foto, ia boleh menambah watermark pada foto tersebut. Ia merupakan tanda dalam bentuk teks atau perkataan yang anda kehendaki. Teks tersebut boleh jadi alamat (URL) tapak web/blog, alamat e-mel, notis hakcipta dan sebagainya. Malah, anda boleh menetapkan jenis, saiz, format dan kedudukan teks (pada foto) tersebut. Tidak kurang menariknya, apabila anda boleh menyimpan ketetapan itu untuk digunakan semula.

Panduan cara guna di bawah ini boleh dirujuk apabila anda mencuba EasyPic 0.8. Selamat bereksperimen!

## CARA PENGGUNAAN

**Langkah 1:** Tanpa bertangguh lagi, dapatkan (download) segera perisian ini di tapak web pemajunya di <http://kongtechnology.com/> (Rajah 1). Ia juga boleh ditemui di tapak web yang membekalkan pelbagai perisian percuma seperti Softpedia (<http://www.softpedia.com>) atau tapak web lain yang seumpamanya (Rajah 2). Saiz failnya hanya 69 KB dan serasi pelbagai sistem operasi (OS) Windows (termasuk XP). Setelah failnya dimuat turun, letakkan ia ke dalam sebuah folder khas untuk tindakan yang seterusnya.


**Langkah 2:** Sebelum itu, pastikan sistem anda dilengkapi dengan program .NET Framework 2.0. Jika belum, anda boleh memuat turun program ini di tapak web Microsoft (Rajah 3). Seterusnya, anda perlu memasangnya (install) dalam sistem. Ini penting kerana EasyPic hanya boleh berfungsi atau beroperasi dengan sokongan .NET Framework 2.0. Selepas program .NET Framework 2.0 berjaya dipasang, anda boleh



Rajah 2




### Microsoft .NET Framework Version 2.0 Redistributable Package (x86)



Rajah 3


mengklik fail EasyPic.exe yang dimuat turun tadi dan diletakkan dalam sebuah folder (Rajah 4).

**Langkah 3:** Sebaik sahaja fail tersebut diklik, pemuka utama EasyPic akan dipaparkan



Rajah 4

(Rajah 5). Anda boleh melihat rupa pemuka atau tettingkap utamanya yang ringkas dan



Rajah 5


mudah difahami. Di kiri pemuka utamanya ada tiga seksyen berlabel Resize Picture; Credit Display; dan Save Format. Di bawahnya ada empat butang fungsi. Alihkan penunjuk tetikus pada setiap butang tersebut untuk mengetahui fungsinya. Manakala ruang kosong di kanan pemuka untuk

memaparkan foto yang dibuka/diheret ke bahagian ini.




Rajah 6

**Langkah 4:** Kini tiba masanya untuk menguji fungsi-fungsi yang disebutkan tadi. Sebelum itu sediakan dahulu foto (atau koleksi foto) yang ingin diproses dan tempatkan dalam folder (Rajah 6). Koleksi foto ini mungkin




Rajah 7

hasil rakaman kamera digital atau telefon bimbit berkamera. Sekarang, gerakkan penunjuk tetikus pada ruang kosong tettingkap utama tadi. Klik dua kali pada ruang ini, cari dan buka folder foto tadi. Satu lagi cara dengan mengheret dan meletak foto pilihan, terus pada ruang kosong ini (Rajah 7).




Rajah 8



Rajah 9

**Langkah 5:** Hasilnya, foto pilihan anda akan muncul pada ruang tersebut dengan saiz asalnya terpapar di bahagian Resize Picture. Katakan anda hendak menukar saiz asal foto kepada saiz pilihan anda. Klik butang Resize dan lihat paparan foto tadi akan mengecil. Menerusi bahagian Credit Display anda boleh menaipkan alamat tapak web/blog atau e-mel pada ruang berlabel teks. Anda juga boleh menetapkan jenis/saiz fon dan formatnya. Lokasi teks (dalam foto) dan warna latarnya juga boleh dipilih (Rajah 8).

**Langkah 6:** Seterusnya, anda perlu memilih format foto tersebut sebelum disimpan (save). Diandaikan anda memilih format JPG



Rajah 10

di bahagian Save Format. Kemudian, tentukan tahap kualiti output foto baru anda dengan menggerakkan butang gelongsor berlabel Output. Katakan anda memilih tahap kualiti 100. Setelah berpuas hati dengan ketetapan tadi, tekan butang berlabel Save Picture As (Rajah 9). Tettingkap berlabel Save As akan dibuka. Namakan foto yang diubahsuai tadi dan tekan butang Save (Rajah 10).

**Langkah 7:** Katakan anda menyimpan (save) foto yang diubahsuai itu dalam folder yang



menempatkan foto asal. Ini memudahkan anda membuat perbandingan, dari segi dimensi (lebar dan tinggi) selain saiz failnya (Rajah 11). Kemudian, anda boleh



Rajah 11


memaparkan foto yang telah diubahsuai tadi menggunakan mana-mana perisian penayang foto/imej. Apabila foto tersebut ditayang, perhatikan samada kualitinya berbeza atau sama. Anda juga patut melihat teks iwatermarki yang dimasukkan dalam foto (Rajah 12).

**Langkah 8:** Sebenarnya anda boleh menyimpan ketetapan yang telah dibuat tadi.




Rajah 12

Ini bagi memudahkan pengubahsuaian foto yang seterusnya. Ini boleh menolong jika anda perlu mengubahsuai sejumlah foto dengan menggunakan ketetapan sama. Jika anda mahu menyimpan ketetapan tadi, klik butang berlabel Save Setting (Rajah 13). Apabila tetingkap berlabel Save As dibuka,



Rajah 13


namakan fail ketetapan anda pada ruang tersedia. Kemudian klik butang Save untuk menyimpannya dalam mana-mana folder



Rajah 14


(Rajah 14).

**Langkah 9:** Anda boleh menguji semula ketetapan yang disimpan tadi. Mulakan dengan membuka atau mengheret dan meletakkan sebuah foto lain, pada ruang kosong dalam tetingkap utama EasyPic (Rajah 15). Seperti yang dijelaskan tadi, foto tersebut akan dipaparkan dengan butiran saiz asalnya. Kini, anda boleh memasukkan semula ketetapan yang disimpan tadi. Caranya, dengan mengklik butang berlabel Load Setting (Rajah 16). Kemudian cari fail




Rajah 15

ketetapan tadi, tandakan dan klik butang Open (Rajah 17).




Rajah 16

**Langkah 10:** Hasilnya, butiran ketetapan yang dimasukkan semula tadi akan kelihatan pada ruang yang disediakan (Rajah 18). Jadi, anda boleh terus mengklik butang Save



Rajah 17



Rajah 18

Picture As untuk menyimpan foto yang baru diubahsuai tadi. Jika perlu, periksa foto yang terhasil. Setakat ini anda sudah diajar cara-cara untuk menukar saiz dan menambah iwatermarki pada setiap foto digital. Apa yang diperturunkan tadi boleh dianggap cara mudah untuk mengubahsuai foto, sebelum dimuatkan dalam tapak web atau blog.